



SIARAN MEDIA

PROGRAM RAMAH TAMAH UNITI

SEMARAKKAN PERPADUAN PELBAGAI KAUM

PASIR GUDANG, 10 Jun 2023 – Program Ramah Tamah Uniti Kaamatan dan Gawai telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dewan Taman Mawar, Pasir Gudang Johor.

Objektif utama penganjuran program ini adalah:-

- i. Sebagai medium memperkenalkan budaya, etnik, kepelbagaian adat resam etnik dari Negeri Sabah dan Sarawak khususnya kepada masyarakat di Negeri Johor; dan
- ii. Memupuk semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat serta memelihara keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Lebih 30,000 penduduk di Negeri Johor merupakan masyarakat berasal dari Negeri Sabah dan Sarawak yang kebanyakannya menyambut perayaan Hari Kaamatan dan Hari Gawai. Justeru, program ini dilihat dapat dijadikan platform menyuntik semangat perpaduan dalam kepelbagaian.

Menurut YB Menteri, pelaksanaan program sambutan perayaan Hari Kaamatan dan Hari Gawai seumpama ini dapat mempromosikan keunikan warisan budaya di Malaysia disamping menyemarakkan lagi jalinan muhibah antara kaum.

“Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk terus memelihara warisan budaya agar ianya tidak pupus ditelan zaman. Kementerian melalui inisiatif Ini Warisan Kita turut memberi fokus kepada usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian warisan yang menjadi khazanah negara,” jelas Datuk Aaron.

Program yang berlangsung selama dua (2) hari bermula pada 9 Jun 2023 menyediakan pelbagai pengisian utama seperti:-

- i. Pertandingan hiasan pokok ranyai;
- ii. Pertandingan muhibah Gawai dan Kaamatan;
- iii. Pertandingan mee polos dan menyumpit;
- iv. Cita rasa menu Borneo;
- v. Jualan pasar Borneo;
- vi. Pameran kraftangan Borneo; dan
- vii. Demonstrasi masakan Borneo.

YB Tuan Ling Tian Soon, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor dan YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara turut hadir ke program ini.

Kementerian Perpaduan Negara

10 Jun 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat
 b.p.: Ketua Setiausaha
 Kementerian Perpaduan Negara
 Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
 E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (1)